

04/05/2002

Peningkatan eksport Mac bukti ekonomi makin kukuh

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peningkatan dagangan dan eksport negara yang tinggi pada Mac lalu menunjukkan ekonomi Malaysia semakin kukuh dan menjejaki pemulihan di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu akan menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi bagi suku pertama tahun ini.

Bagaimanapun, beliau enggan meramalkan angka pertumbuhan bagi suku pertama itu.

"Yang lebih penting, ekonomi dunia keseluruhannya sedang pulih. Lebih-lebih lagi dengan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang berkembang lebih lima peratus pada suku pertama... sesuatu yang tidak dijangka.

"Sekarang permintaan untuk produk kita seperti cip (mikro) akan meningkat. Kita menjangka perubahan ekonomi Amerika Syarikat ini akan diikuti semua negara yang berdagang dengannya, sekali gus memperbaiki prestasi (ekonomi) kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) anjuran Pemuda Umno, di Kuala Lumpur semalam.

Kelmarin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) menyatakan lebih dagangan bagi Mac meningkat kepada RM5.1 bilion daripada RM3.8 bilion pada Februari.

Angka pada Mac itu adalah lebih dagangan bulanan tertinggi dicatatkan sejak September 2001. Jumlah keseluruhan eksport Mac naik 27.2 peratus pada asas bulanan kepada RM30.8 bilion.

Ditanya jangkannya bagi KDNK suku pertama tahun ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata: "Saya tidak berani berkata apa-apa. Saya seorang yang amat berhati-hati".

Penganalisis ekonomi tempatan sebelum ini meramalkan KDNK Malaysia boleh mencapai di antara 4.5 dan 5.0 peratus bagi 2002 dan 2003, berbanding 3.5 peratus unjuran Bank Negara tahun ini.

Anggaran itu berdasarkan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat dengan kemungkinan kadar faedah negara itu meningkat pada bulan akan datang.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Telekom Malaysia Bhd berminat mengambil alih Technology Resources Industries Bhd (TRI), selepas membeli sahamnya.

"Telekom jelas sekali berminat. Itu sebabnya mengapa mereka membeli (saham TRI milik Tan Sri Tajudin Ramli daripada Pengurusan Danaharta Nasional Bhd)," katanya.

Ketika ini Telekom Malaysia memegang 15.6 peratus saham TRI selepas membeli 13.14 peratus ekuiti pada RM2.75 sesaham atau RM717 juta tunai.

Dr Mahathir juga berkata, beliau percaya Telekom Malaysia akan memberikan satu `niaga janji yang adil' kepada orang awam jika ia mengambil alih TRI.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak perlu mempunyai banyak syarikat telekomunikasi terutama dengan kemunculan sistem rangkaian generasi ketiga (3G).

Dr Mahathir juga berharap Telekom Malaysia menurunkan kadar tarifnya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan kemudahan telekomunikasi.

"Telekom perlu menurunkan bayarannya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan telekomunikasi bagi semua perkara termasuk capaian kepada maklumat," katanya.

(END)